

TERMA & SYARAT UNTUK APLIKASI JUSTGO

Terma dan Syarat berikut ("T&S") akan mentadbir akses dan penggunaan anda terhadap Aplikasi JustGO (sebagaimana yang ditakrifkan selepas ini) serta Perkhidmatan (sebagaimana yang ditakrifkan selepas ini) yang disediakan secara dalam talian oleh JustGO Solutions Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 201901000296 (1309622-A)) (selepas ini dirujuk sebagai "JGS").

Dengan mengakses T&S dan Perkhidmatan ini, anda mengakui dan bersetuju untuk terikat dengan T&S ini. Sekiranya anda tidak bersetuju dengan T&S ini, anda hendaklah menahan diri daripada mengakses atau menggunakan Aplikasi JustGO.

JGS berhak untuk meminda atau mengemas kini T&S ini dari semasa ke semasa. Sebarang pindaan atau kemas kini akan diterbitkan dalam Aplikasi JustGO. Akses atau penggunaan berterusan anda terhadap Aplikasi JustGO selepas penerbitan sebarang pindaan tersebut akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap T&S yang telah dipinda.

1. DEFINASI

Dalam Terma dan Syarat ini, melainkan konteksnya menyatakan sebaliknya:-

"Ahli Gabungan"	bermaksud mana-mana syarikat yang mengawal, dikawal oleh, atau berada di bawah kawalan bersama dengan JGS;
"ANPR"	bermaksud <i>Automatic Number Plate Recognition</i> , iaitu satu penyelesaian yang menggunakan kamera dan perisian pengesanan imej untuk mengesan nombor pendaftaran kenderaan bagi tujuan pembayaran tol untuk kenderaan Kelas 1 di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya LPT2;
"Aplikasi JustGO"	Aplikasi JustGO merupakan sistem pembayaran digital yang dipautkan dengan teknologi ANPR (Automated Number Plate Recognition), di mana transaksi pembayaran tol dilaksanakan melalui proses pengimbasan nombor pendaftaran kenderaan. Pembayaran bagi setiap transaksi akan caj secara automatik ke kad bank (debit atau kredit) yang telah dipautkan di dalam aplikasi JustGO.
"E-Akaun"	bermaksud akaun digital yang direka oleh JGS bagi memudahkan perkhidmatan yang disediakan dan boleh diakses melalui Aplikasi JustGO, termasuk tetapi tidak terhad kepada transaksi pembayaran tol tanpa tunai (ANPR) dan pengeluaran e-Invois;
"e-Invois"	bermaksud sebarang transaksi pembayaran yang dibuat oleh anda sebagai pengguna berdaftar Aplikasi JustGO termasuk tetapi tidak terhad kepada pembayaran tol, pembayaran tunai dan pembelian kad Touch 'n Go di plaza tol. e-Invois menggantikan dokumen kertas atau elektronik seperti invois, nota kredit dan nota debit. Ia memerlukan pengesahan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebelum dikeluarkan kepada anda. e-Invois mengandungi maklumat penting seperti butiran pembekal dan pembeli, perihalan item, kuantiti, harga (sebelum cukai), cukai dan jumlah keseluruhan;
"e-KYC"	bermaksud <i>Electronic Know Your Customer</i> , iaitu proses digital yang digunakan untuk mengesahkan dan mengesahkan identiti bagi menggantikan kaedah tradisional berasaskan dokumen. e-KYC lazimnya melibatkan pengesahan identiti individu atau pendaftaran perniagaan dengan SSM melalui kaedah elektronik termasuk tetapi tidak terhad kepada pengesanan wajah, muat naik dokumen dan data biometrik;
"e-KYP"	bermaksud <i>Electronic Know Your Payment</i> , iaitu proses digital yang digunakan untuk mengesahkan kaedah pembayaran. e-KYP lazimnya melibatkan pengesahan kaedah pembayaran seseorang melalui kaedah elektronik dengan menggunakan gerbang pembayaran dalam talian;
"e-KYV"	bermaksud <i>Electronic Know Your Vehicle</i> , iaitu proses digital yang digunakan untuk mengesahkan kenderaan. E-KYV lazimnya melibatkan pengesahan pemilihan kenderaan melalui kaedah elektronik seperti pengesahan dokumen dan pengesanan imej;
"JGS"	bermaksud JustGO Solutions Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran: 201901000296 (1309622-A));
"LLB"	bermaksud Lingkaran Luar Butterworth (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.
"Lebuhraya LLB"	bermaksud lebuhraya milik Lingkaran Luar Butterworth (Pulau Pinang) Sdn. Bhd.
"Kad Touch 'n Go"	bermaksud kad Touch 'n Go dengan ciri <i>Near Field Communication (NFC)</i> yang dipertingkatkan dan digunakan untuk pembayaran tol, peruncitan dan pengangkutan awam.
"Lebuhraya LPT2"	bermaksud lebuhraya milik LPT 2 SB iaitu Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2;
"LPT 2 SB"	bermaksud Lebuhraya Pantai Timur 2 Sdn. Bhd.;
"Lebuhraya PLUS"	bermaksud lebuhraya milik PLUS Berhad iaitu Lebuhraya Utara-Selatan (NSE), Lebuhraya Lembah Klang Baru (NKVE), Lebuhraya Seremban–Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Laluan Tengah Utara-Selatan (ELITE), Laluan Kedua Malaysia–Singapura (LINKEDUA), Lebuhraya Butterworth–Kulim (BKE) dan Jambatan Pulau Pinang (PB);

“LHDN”	bermaksud Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
“Maklumat / Data Peribadi”	bermaksud semua data peribadi dan perniagaan serta butiran pengenalan yang diberikan oleh anda semasa proses pengesahan bagi tujuan pendaftaran dan penggunaan Perkhidmatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor pengenalan, maklumat hubungan dan apa-apa data lain yang diperlukan oleh JGS. Maklumat tersebut akan dikumpul, disimpan dan diproses selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010;
“MyKad”	bermaksud Kad Pengenalan Pendaftaran Negara bagi warganegara Malaysia;
“MyTentera”	bermaksud Kad Pengenalan Tentera bagi warganegara Malaysia yang merupakan anggota aktif Angkatan Tentera Malaysia;
“OTP”	bermaksud <i>one-time password</i> , iaitu kod unik dan sementara yang dijana untuk tujuan pengesahan identiti semasa transaksi digital atau proses pengesahan. Kod ini sah untuk tempoh masa yang singkat dan hanya boleh digunakan sekali sahaja;
“PLUS Berhad”	bermaksud Projek Lebuhraya Usahasama Berhad;
“SSM”	bermaksud Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
“Dokumen Sokongan”	bermaksud mana-mana dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberitahuan warta kerajaan, Warta Kerajaan, surat pengesahan rasmi daripada pihak berkuasa tempatan, sijil pemerbadanan atau bukti pendaftaran dengan badan yang diberi kuasa;
“Surat Kebenaran”	bermaksud surat yang dikeluarkan menggunakan kepala surat rasmi sesebuah organisasi bagi menunjukkan hasrat untuk mendaftar dan memberikan kuasa kepada pihak yang dilantik;
“TIN”	bermaksud Nombor Pengenalan Cukai (Tax Identification Number) di Malaysia, iaitu pengenalan alfanumerik yang lazimnya terdiri daripada 11, 12 atau 13 aksara bagi semua pembayar cukai di Malaysia termasuk individu, warga asing dan entiti perniagaan;
“Tag Touch ‘n Go RFID”	bermaksud sistem pembayaran elektronik Touch ‘n Go RFID yang menggunakan pelekat pengenalan frekuensi radio (radio frequency identification) yang dikenali sebagai Tag Touch ‘n Go RFID untuk melalui plaza tol. Tag Touch ‘n Go RFID mempunyai cip frekuensi radio yang ditanam dan dilekatkan pada cermin hadapan atau lampu hadapan kenderaan. Apabila kenderaan melalui plaza tol, pengimbas di atas akan membaca frekuensi radio daripada Tag Touch ‘n Go RFID dan caj tol akan dikenakan. Tag Touch ‘n Go RFID ini akan dipautkan ke Touch ‘n Go eWallet dan caj tol akan ditolak daripada eWallet tersebut (dirujuk sebagai Tag TNG RFID); dan

2. **PENGUNAAN APLIKASI JUSTGO**

2.1 Perkhidmatan ini disediakan oleh JGS mengikut budi bicara mutlaknya dan terpakai bagi perkara berikut: -

- 2.1.1 penggunaan kaedah pembayaran digital alternatif melalui kad bank bagi transaksi tol di Lebu Raya PLUS dan Lebu Raya LPT2 yang menggunakan sistem ANPR, terhad kepada kenderaan Kelas 1 sahaja, dan ditawarkan kepada pengguna terpilih di bawah **“UJIAN RINTIS”**; dan
- 2.1.2 penyediaan e-Invois untuk untuk sebarang transaksi pembayaran tol, tertakluk kepada pemilihan awal anda terhadap pilihan **“Opt In”** di bawah tab e-Invois,

(Selepas ini dirujuk secara bersama sebagai **“Perkhidmatan”**).

2. Aplikasi JustGO adalah untuk: -

- 2.2.1 individu yang berumur lebih tujuh belas (17) tahun (dirujuk sebagai **“Individu”**); atau
- 2.2.2 perniagaan yang berdaftar di Malaysia (dirujuk sebagai **“Perniagaan”**); atau
- 2.2.3 entiti lain termasuk agensi kerajaan (Persekutuan dan Negeri), pihak berkuasa kerajaan (Persekutuan dan Negeri), pihak berkuasa dan majlis tempatan, pihak berkuasa dan badan berkanun, serta institusi yang dikecualikan dan tidak berdaftar dengan TIN (dirujuk sebagai **“Pihak Berkepentingan”**)

2.3 Semua pihak (termasuk Individu, Perniagaan dan Pihak Lain) yang ingin mendaftar dan menggunakan Aplikasi JustGO hendaklah bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini, sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa. Pendaftaran hendaklah diselesaikan melalui Aplikasi JustGO yang boleh dimuat turun dari Google Play Store atau Apple App Store bagi tujuan akses dan penggunaan Perkhidmatan.

3. **PENDAFTARAN AKAUN JUSTGO**

3.1 Semua pengguna yang mahu mendaftar Akaun Elektronik (E-Akaun) hendaklah mematuhi perkara berikut: -

- 3.1.1 Individu dikehendaki untuk memberikan maklumat yang diperlukan pada halaman pendaftaran termasuk tetapi tidak terhad kepada nama seperti yang tertera pada dokumen pengenalan diri, nombor pengenalan (MyKad / MyTentera atau passport), nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat peribadi lain yang berkaitan.
 - 3.1.1.1 Dokumen pengenalan diri yang diperlukan bergantung kepada kewarganegaraan anda seperti berikut: -
 - a) Warganegara Malaysia hendaklah mendaftar menggunakan MyKad / MyTentera; atau
 - b) Bukan warganegara Malaysia hendaklah mendaftar menggunakan passport antarabangsa.
- 3.1.2 Perniagaan hendaklah memberikan maklumat yang diperlukan pada halaman pendaftaran termasuk tetapi tidak terhad kepada nama perniagaan, nombor pendaftaran perniagaan, sijil pendaftaran perniagaan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), nombor telefon, alamat e-mel dan maklumat lain yang berkaitan.
- 3.1.3 Pihak Lain hendaklah mengemukakan Surat Kebenaran serta Dokumen Sokongan bagi mengesahkan identiti dan pendaftaran mereka di Malaysia.
- 3.2 Anda hendaklah mengakses E-Akaun melalui alamat e-mel dan/atau nombor telefon bimbit yang didaftarkan. Bagi tujuan keselamatan, anda dikehendaki untuk mengesahkan alamat e-mel dan/atau nombor telefon bimbit tersebut bagi membolehkan akses ke E-Akaun.

4. **Langkah-langkah Pengesahan (e-KYC, e-KYV and e-KYP)**

4.1 eKYC

- 4.1.1 Pengesahan identiti (e-KYC) bagi Individu adalah proses di mana anda dikehendaki untuk mengesahkan identiti peribadi anda menggunakan dokumen pengenalan rasmi (MyKad, MyTentera atau passport), serta mengambil swafoto secara masa nyata bagi mengesahkan kehadiran fizikal anda; atau
- 4.1.2 Pengesahan identiti bagi Perniagaan adalah proses di mana anda dikehendaki untuk mengesahkan identiti perniagaan anda menggunakan dokumen pengenalan rasmi iaitu Sijil Pendaftaran Perniagaan yang memaparkan Nombor Pendaftaran Perniagaan 12 digit; atau
- 4.1.3 Pengesahan identiti bagi Pihak Lain adalah proses di mana anda dikehendaki untuk mengesahkan identiti menggunakan Surat Kebenaran dan Dokumen Sokongan;
- 4.1.4 Anda hendaklah memastikan bahawa semua dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah jelas, boleh dibaca, serta memastikan semua butiran yang diberikan adalah tepat dan terkini.

4.2 eKYV

- 4.2.1 Pengesahan kenderaan adalah proses di mana anda dikehendaki untuk mengesahkan kenderaan anda menggunakan dokumen rasmi iaitu Sijil Pemilikan Kenderaan daripada aplikasi mudah alih MyJPJ serta imej kenderaan tersebut.
- 4.2.2 Sekiranya anda bukan pemilik kenderaan tetapi merupakan pengguna yang diberi kebenaran, anda dikehendaki untuk mengemukakan Sijil Pemilikan Kenderaan berserta dokumen pengenalan pemilik, iaitu MyKad (bagi kenderaan milik individu) atau Sijil Pendaftaran Perniagaan (bagi kenderaan milik perniagaan), serta membuat pengisytiharan bahawa anda merupakan pengguna yang diberi kebenaran.
- 4.2.3 Anda dibenarkan untuk mendaftar dan mengekalkan sehingga sepuluh (10) buah kenderaan pada bila-bila masa ("Senarai Kenderaan").
- 4.2.4 Anda hendaklah memastikan bahawa semua dokumen dan maklumat yang dikemukakan adalah jelas, boleh dibaca, serta memastikan semua butiran yang diberikan adalah tepat dan terkini.

4.3 e-KYP

- 4.3.1 Pengesahan pembayaran adalah proses di mana anda dikehendaki untuk menambah dan mengesahkan kad bank yang dipilih bagi tujuan pembayaran ANPR di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya LPT2. Anda akan diarahkan ke gerbang pembayaran yang dilantik untuk melengkapkan proses tersebut.
 - 4.3.2 Hanya kad kredit, kad debit atau kad prabayar yang memaparkan logo MyDebit, Mastercard atau Visa yang dikeluarkan oleh bank berlesen di Malaysia akan diterima.
 - 4.3.3 Caj boleh pulang sebanyak RM1.00 akan dikenakan semasa proses pendaftaran. Caj ini dikenakan oleh pihak bank bagi memastikan kad tersebut aktif dan diberi kebenaran untuk digunakan, serta sebagai langkah perlindungan daripada aktiviti penipuan.
 - 4.3.4 Anda dibenarkan untuk mendaftar sehingga tiga (3) kad bank sahaja. Anda hendaklah menetapkan keutamaan kad bank untuk tujuan pembayaran secara tertib menaik. Kad yang disenaraikan di bahagian teratas akan dicaj terlebih dahulu mengikut senarai keutamaan pembayaran ("Senarai Kaedah Pembayaran").
- 4.4** Anda mesti mengemas kini E-Akaun anda dengan semua nombor kad Touch 'n Go dan Touch 'n Go RFID Tag yang berkaitan bagi memastikan semua transaksi berkaitan direkodkan dengan tepat untuk Perkhidmatan.
- 4.5** Apabila anda membeli kad Touch 'n Go sama ada di premis PLUS Berhad atau LPT 2 Sdn Bhd, anda mesti mengemas kini E-Akaun anda dengan nombor kad Touch 'n Go dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pembelian bagi memastikan transaksi kad tersebut dan semua transaksi berikutnya direkodkan dengan tepat dalam e-Invoice anda.
- 4.6** Anda bertanggungjawab untuk memastikan semua butiran identiti peribadi dan/atau perniagaan yang diberikan adalah tepat dan terkini.
- 4.7** Anda bersetuju untuk mengemas kini sebarang perubahan maklumat tersebut dengan segera dan dikehendaki menjalani proses pengesahan. Anda mengakui bahawa kegagalan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan penggantungan atau penamatan akses kepada Perkhidmatan.
- 4.8** Pengesahan dalam status "pending" bermaksud ia memerlukan kelulusan manual daripada Pasukan Sokongan kami. Sila ambil maklum bahawa proses ini mungkin mengambil masa sehingga 48 jam, tidak termasuk hujung minggu dan cuti umum.
- 4.9** Notifikasi akan dipaparkan di halaman utama Aplikasi JustGO untuk memaklumkan status e-KYC dan e-KYV anda serta memberitahu sebarang tindakan yang diperlukan daripada pihak anda.
- 4.10** Anda mengakui bahawa dengan melengkapkan e-KYC, e-KYV dan e-KYP, JGS diberi kuasa untuk menggunakan Maklumat / Data Peribadi yang berkaitan untuk tujuan pengesahan identiti dan/atau autentikasi.
- 4.11** Sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan e-KYC, JGS berhak untuk menghubungi anda bagi mendapatkan maklumat tambahan dan memudahkan penyelesaian perkara tersebut.
- 4.12** Walaupun e-KYC, e-KYV dan e-KYP telah berjaya dilengkapkan, JGS boleh, pada bila-bila masa, meminta anda untuk menjalani semula proses pengesahan atas sebab apa pun.
- 4.13** Sekiranya terdapat sebarang isu berkaitan e-KYC, anda boleh menghubungi kami di contact@justgo.com.my

5. ANPR

- 5.1** Untuk mengakses dan menggunakan kemudahan pembayaran tol di Lebuhraya PLUS dan Lebuhraya LPT2, anda mesti telah berjaya melengkapkan lima (5) langkah berikut dalam Akaun anda:
- a. pengesahan e-mel;
 - b. pengesahan nombor telefon bimbit;
 - c. e-KYC;
 - d. e-KYV; dan
 - e. e-KYP.
- 5.2** Bagi transaksi ANPR, anda boleh menyemaknya di Tab Transaksi dalam E-Akaun anda. Bagi transaksi TAG RFID, anda boleh menyemaknya di TNG e-Wallet anda.
- 5.3** Kemudahan pembayaran tol ANPR ini disediakan di semua lorong di plaza tol terpilih di sepanjang Lebuhraya PLUS. Senarai plaza tol dan lokasi yang terlibat tertakluk kepada sebarang perubahan, peluasan, atau

penamatan dari semasa ke semasa atas budi bicara JGS. Anda dinasihatkan untuk merujuk laman web rasmi www.justgo.com.my atau akaun media sosial JustGO untuk mendapatkan senarai plaza tol dan lokasi terkini.

- 5.4 Apabila anda memadam maklumat kenderaan dalam Senarai Kenderaan (Vehicles List) dan/atau maklumat kad bank dalam Senarai Kaedah Pembayaran (Payment Methods List) di Aplikasi JustGO selepas memasuki lebuh raya tetapi sebelum keluar, bayaran tol untuk perjalanan tersebut masih akan dikenakan ke atas kenderaan dan kad bank yang telah dipadam.
- 5.5 Apabila bayaran tol tidak dapat dikenakan kepada mana-mana kad bank anda, bayaran tersebut akan ditandakan sebagai tertunggak dan fungsi pembayaran tol ANPR anda akan disekat:
 - a) Anda tidak dibenarkan menggunakan Aplikasi JustGO untuk pembayaran tol sehingga semua bayaran tertunggak diselesaikan; dan
 - b) Anda mesti merujuk kepada Tab Transaksi (Transactions Tab) dalam Aplikasi JustGO untuk melihat bayaran tol tertunggak dan membuat pembayaran segera bagi membolehkan anda menggunakan Aplikasi JustGO.

6. E-INVOIS

- 6.1 Untuk menerima e-Invoice bulanan yang merumuskan transaksi anda yang berkenaan, sila pastikan bahawa:
 - a) TIN anda telah dipautkan berdasarkan nombor pengenalan pada dokumen pengenalan diri yang anda berikan.
 - b) Anda mendaftar (opt in) sebelum hari terakhir bulan kalendar untuk menerima e-Invoice anda dalam tempoh tujuh (7) hari pada bulan kalendar berikutnya; dan
 - c) Anda boleh memilih untuk tidak mendaftar (opt out) pada bila-bila masa, dalam kes ini e-Invoice tidak akan lagi dikeluarkan kepada anda mulai tarikh opt-out.
 - d) Untuk individu berumur 18 tahun dan ke atas.
- 6.2 Sekiranya TIN tidak disediakan, TIN awam lalai akan diberikan untuk e-Invoice anda seperti berikut:
 - a) EI00000000010 (Warganegara Malaysia); atau
 - b) EI00000000020 (Bukan Warganegara Malaysia); atau
 - c) EI00000000040 (Lain-lain).
- 6.3 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan TIN anda dan semua maklumat peribadi serta transaksi yang diperlukan adalah tepat, lengkap dan terkini. Anda bersetuju untuk mengemas kini sebarang perubahan kepada maklumat tersebut dengan segera dan kegagalan berbuat demikian mungkin mengakibatkan penangguhan atau penamatan akses kepada Perkhidmatan.
- 6.4 Sekiranya berlaku sebarang isu, ketidaktepatan atau pertanyaan berkaitan e-Invoice, anda boleh menghubungi kami di contact@justgo.com.my.

7. TANGGUNGJAWAB ANDA

- 7.1 Anda bersetuju dan mengakui bahawa dengan menggunakan JustGO Mobile App, anda hendaklah sentiasa mematuhi tanggungjawab berikut:
 - a) Anda hendaklah menggunakan JustGO Mobile App semata-mata untuk tujuan yang dimaksudkan. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, JustGO Mobile App disediakan kepada anda oleh JGS, atas budi bicara sepenuhnya, untuk memudahkan pengeluaran e-Invoice di Malaysia; dan
 - b) Anda hendaklah memastikan bahawa semua maklumat peribadi dan butiran akaun yang diberikan adalah tepat, lengkap, dan terkini, termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat emel, nombor telefon bimbit, dan sebarang butiran tambahan yang mungkin diperlukan di bawah Fasal 3 dan 4; dan
 - c) Anda dikehendaki melengkapkan dan mengesahkan semua keperluan mandatori seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 3 dan 4 untuk mengakses sepenuhnya ciri dan fungsi JustGO Mobile App; dan
 - d) Anda hendaklah memuat turun JustGO Mobile App hanya daripada platform rasmi dan sah, khususnya Google Play Store dan Apple App Store. Muat turun aplikasi dari sumber yang tidak disahkan atau tidak rasmi adalah dilarang sama sekali. Anda akan memikul tanggungjawab sepenuhnya bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami akibat ketidakpatuhan terhadap fasal ini; dan
 - e) Anda hendaklah memastikan peranti mudah alih anda kekal serasi dengan JustGO Mobile App. Anda bertanggungjawab untuk mengekalkan keserasian tersebut, terutamanya selepas sebarang peningkatan

atau perubahan sistem. Selain itu, anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjamin keselamatan dan penyelenggaraan semua peralatan, perisian, dan sambungan yang diperlukan untuk mengakses dan menggunakan JustGO Mobile App, termasuk memastikan integriti sebarang data yang dihantar atau diterima melalui peranti anda; dan

- f) Anda hendaklah menggunakan kecermatan dan berhati-hati dalam penggunaan, penyelenggaraan, dan penjagaan JustGO Mobile App anda; dan
- g) Anda tidak dibenarkan, dalam apa jua keadaan, mengubah suai atau membenarkan pihak ketiga mengubah suai peranti mudah alih dan JustGO Mobile App anda, termasuk sebarang perisian atau data yang tertanam dalam JustGO Mobile App. Sebarang gangguan sedemikian boleh menjadi kesalahan jenayah. JGS berhak untuk menolak sebarang transaksi, menarik balik sebarang manfaat, dan menuntut sebarang kerugian atau kos (termasuk yuran guaman yang munasabah) yang ditanggung akibat akses, pengubahsuaian, atau pengubahsuaian yang tidak dibenarkan; dan
- h) Anda hendaklah menggunakan JustGO Mobile App dengan niat baik dan mematuhi sepenuhnya T&C ini serta semua undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa di Malaysia; dan
- i) Anda hendaklah mengambil semua langkah berjaga-jaga yang wajar untuk mengelakkan sebarang penggunaan fraud, tidak dibenarkan, tidak wajar, atau haram terhadap JustGO Mobile App anda. Sekiranya berlaku kecurian, kehilangan, atau disyaki aktiviti penipuan, anda mesti segera memaklumkan JGS. Jika diarahkan, anda dikehendaki membuat laporan polis dan menyediakan salinan sah laporan tersebut kepada JGS untuk tindakan lanjut.

8. PENETAPAN & SUSPENSI

8.1 JGS berhak untuk menamatkan atau menggantung E-Akaun tanpa notis untuk mana-mana daripada peristiwa berikut:

- a) anda gagal mematuhi T&C ini; atau
- b) anda memberikan sebarang maklumat yang mengelirukan atau membuat sebarang kenyataan palsu kepada JGS atau mana-mana rakan kongsi JGS; atau
- c) anda menyalahgunakan sebarang keistimewaan yang diberikan di bawah JustGO Mobile App; atau
- d) anda terlibat dalam sebarang aktiviti penipuan di bawah JustGO Mobile App; atau
- e) anda telah meninggal dunia atau diisytiharkan mufliis; atau
- f) anda menunjukkan kelakuan yang tidak wajar terhadap JGS dan Affiliatennya; atau
- g) E-Akaun anda dikesan terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, penipuan, haram dan aktiviti mencurigakan lain; atau
- h) anda gagal menyediakan sebarang maklumat tambahan yang diminta oleh JGS dari semasa ke semasa; dan/atau
- i) apabila JGS secara munasabah percaya bahawa penamatan E-Akaun adalah perlu.

9. AKIBAT PENAMATAN & SUSPENSI

9.1 JGS tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anda, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penamatan atau penggantungan Perkhidmatan, kecuali seperti yang dinyatakan secara khusus di bawah T&C ini atau sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

9.2 Peruntukan dalam Fasal 9 ini adalah tanpa menjejaskan sebarang hak atau remedi lain yang tersedia kepada JGS di bawah T&C ini atau di bawah undang-undang yang berkuat kuasa.

10. HAK JGS

- a) Dengan bersetuju untuk mendaftar bagi E-Akaun, JGS berhak untuk menghantar maklumat pemasaran mengenai barangan atau perkhidmatan JGS dan Affiliatennya, termasuk acara pemasaran, inisiatif dan promosi, pertandingan, skim keahlian dan ganjaran, serta promosi lain kepada anda.

- b) JGS berhak pada bila-bila masa untuk menambah, memadam, meminda atau mengubah T&C ini, atau mana-mana bahagiannya, dari semasa ke semasa. Penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian tersebut akan berkuat kuasa serta-merta selepas notis diberikan, yang boleh dilakukan termasuk tetapi tidak terhad kepada penerbitan di JustGO Mobile App, emel elektronik atau konvensional, atau mana-mana kaedah lain yang membolehkan anda menerima notis tersebut. Anda hendaklah segera memaklumkan kepada kami sekiranya anda tidak bersetuju dengan sebarang penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian tersebut, dalam keadaan itu JGS berhak untuk menamatkan E-Akaun anda. Sebarang penggunaan Perkhidmatan oleh anda selepas notis tersebut akan dianggap sebagai penerimaan terhadap T&C ini beserta penambahan, pemadaman, pindaan atau pengubahsuaian tersebut.
- c) JGS berhak pada bila-bila masa untuk mengubah atau menghentikan mana-mana aspek atau ciri JustGO Mobile App dan/atau Perkhidmatan.

11. LIABILITI

- 1. Perkhidmatan disediakan secara “sebagaimana adanya” dan “sebagaimana tersedia”. JGS tidak memberikan sebarang jaminan, sama ada secara nyata atau tersirat, dan dengan ini menafikan semua liabiliti berkaitan Perkhidmatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - a) ketersediaan, kebolehaksesan, kebolehpercayaan, ketepatan masa, atau operasi Perkhidmatan yang tidak terganggu; dan
 - b) ketepatan, kelengkapan, kemas kini, susunan, atau keselamatan mana-mana data atau maklumat yang disediakan melalui Perkhidmatan.
- 2. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk mengekalkan kerahsiaan E-Akaun, kelayakan log masuk, dan kelayakan keselamatan anda. Anda juga bertanggungjawab sepenuhnya terhadap semua aktiviti dan akibat yang timbul daripada penggunaan atau penyalahgunaan E-Akaun, sama ada dibenarkan oleh anda atau tidak. Ini termasuk sebarang kerugian kewangan atau transaksi tanpa kebenaran yang dilakukan tanpa persetujuan anda akibat kecuaiian atau tindakan penipuan anda.
- 3. JGS tidak akan bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga bagi sebarang kerosakan langsung, tidak langsung, sampingan, khas, atau bersanjar, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - 1. akses tanpa kebenaran ke E-Akaun anda, termasuk penggodaman atau kecurian kelayakan log masuk atau keselamatan anda;
 - 2. pertikaian yang timbul antara anda dan mana-mana peniaga, termasuk berkaitan kualiti produk, kebolehsesuaian, kesesuaian untuk tujuan tertentu, kuantiti, atau penghantaran;
 - 3. sebarang kerugian yang timbul daripada pelaksanaan hak JGS secara sah di bawah T&C ini atau akibat pelanggaran anda terhadapnya.

12. GANTI RUGI

- i. Anda bersetuju untuk sepenuhnya mengganti rugi dan menanggung sebarang liabiliti terhadap JGS daripada sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, liabiliti, kos, atau perbelanjaan (termasuk yuran guaman yang munasabah) yang timbul daripada:
 - 1. penggunaan atau penyalahgunaan JustGO Mobile App atau E-Akaun oleh anda; atau
 - 2. sebarang pelanggaran terhadap T&C ini atau terma lain yang berkuat kuasa; atau
 - 3. sebarang pelanggaran undang-undang, peraturan, atau hak pihak ketiga; atau
 - 4. sebarang penggunaan Perkhidmatan yang tidak sah atau penipuan.
- ii. Anda bertanggungjawab menanggung semua kos dan liabiliti yang dikenakan terhadap JGS berkaitan tuntutan tersebut, serta wajib memberikan notis segera kepada JGS, memberi kuasa penuh untuk mengendalikan perkara tersebut, dan memberikan bantuan yang munasabah dalam mempertahankan atau menyelesaikan tuntutan itu dengan kos anda sendiri.

13. HAK HARTA INTELEK

- i. Semua tanda dagangan dan hak harta intelek lain yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan adalah milik JGS.
- ii. Anda mengakui dan bersetuju bahawa semua tanda dagangan dan hak harta intelek lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan atau mana-mana bahagiannya, sama ada dipersembahkan kepada anda oleh JGS atau pihak ketiga, adalah dilindungi oleh hak cipta, tanda dagangan, paten atau hak milik dan undang-undang lain, dan semua hak JGS di dalamnya adalah secara tegas diperuntukkan.

14. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

- i. Terma dan syarat ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan anda dengan ini menyerahkan diri kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.

15. BAHASA

- i. Terma dan syarat ini juga disediakan dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, konflik, kekeliruan atau pertindihan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia atau mana-mana versi lain T&C ini, versi Bahasa Inggeris T&C ini akan diutamakan.

16. PEMEBEBASAN

- i. Kegagalan untuk menguatkuasakan mana-mana peruntukan dalam terma dan syarat ini pada bila-bila masa tidak boleh ditafsirkan sebagai pembebasan hak mana-mana pihak untuk menguatkuasakan pelanggaran peruntukan tersebut atau mana-mana peruntukan lain dalam T&C ini, atau sebagai pembebasan bagi pelanggaran berterusan, seterusnya atau kemudian terhadap mana-mana peruntukan atau peruntukan lain dalam terma dan syarat ini.

17. PEMINDAHAN HAK

- i. Anda tidak dibenarkan untuk memindah atau dengan cara lain menyerahkan hak atau obligasi anda di bawah terma dan syarat ini atau mana-mana bahagiannya. JGS boleh memindahkan terma dan syarat ini secara keseluruhan atau sebahagian kepada mana-mana pihak ketiga mengikut budi bicaranya.

18. PERUNTUKAN YANG TIDAK SAH

- i. Sekiranya mana-mana peruntukan terma dan syarat ini dianggap haram, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan atas apa-apa sebab, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, peruntukan tersebut akan boleh dipisahkan sepenuhnya, dan terma dan syarat ini akan ditafsirkan dan dikuatkuasakan (setakat yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkuat kuasa) seolah-olah peruntukan yang haram, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak pernah menjadi sebahagian daripada terma dan syarat ini.

[Baki halaman ini sengaja dikosongkan]